

Johor kaji harga lantai rumah

Harga lantai hartanah warga asing RM1 juta mungkin diturunkan

RAZIATUL HANUM
A RAJAK@ATAN

JOHOR BAHRU

Kerajaan negeri Johor akan mengkaji semula harga lantai pemilikan hartanah warga asing di negeri ini.

Exco Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Sr Dzulkefly Ahmad berkata, kemungkinan harga lantai RM1 juta yang ditetapkan sebelum ini akan diturunkan.

"Walaupun 10,580 unit

hartanah bumiputera belum terjual di negeri ini tetapi kerajaan negeri ambil berat kerana jumlah keseluruhan termasuk bumiputera dan bukan bumiputera melibatkan RM36 bilion adalah jumlah yang besar.

"Jadi Oktober ini, insya-ALLAH kita akan kemukakan inisiatif baharu untuk bantu pemaju kurangkan jumlah rumah tidak terjual.

"Kita akan permudahkan pelepasan lot bumiputera termasuk mengkaji semula *foreign ownership*."

Di Johor, harga lantai ditetapkan RM1 juta dan kalau ada keperluan kemungkinan akan diturunkan," katanya pada sidang akhbar di majlis pelancaran iProperty.com.my di Johor Bahru City Square semalam.

Namun tegasnya, angka penurunan itu tidak akan mencecah RM500,000



Dzulkefly (tengah) ketika melawat rerual pameran pemaju-pemaju di Johor Bahru semalam.

atau RM600,000.

"Dulu *foreign ownership* naratifnya bermula dengan RM500,000 dinaikkan kepada RM700,000 hingga menjadi RM1 juta. Ini se-

mentara dan bukan di bawah kuasa perumahan tapi Pejabat Tanah dan Galian.

"Kita ada keperluan mengkaji kerana *over supply* rumah RM600,000 ke

atas tetapi tidak diturunkan sampai RM500,000 hingga RM600,000 tapi antara RM1 juta.

"Ia kerana kalau diturunkan terlalu rendah

hingga RM500,000 hingga RM600,000 akan mengganggu pasaran hartanah.

"Kesannya nanti harga hartanah akan naik kerana bersaing dengan pembeli tempatan. Kita nak pastikan harga lantai itu tidak bersaing dengan pembeli tempatan," katanya.

Beliau turut tidak menafikan harga rumah yang tinggi menyebabkan ramai pembeli tidak mampu memiliki hartanah sendiri.

"Biasanya tiada alasan tertentu kenapa rumah tidak terjual tapi saya setuju salah satunya harga tinggi.

"Selain itu, kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan *over supply* strata servis apartmen kategori komersial dan apartmen kategori perumahan. Jadi kita saran pemaju ambil kira permintaan pembeli," katanya.